

TARIKH	23 / 05 / 2014	SEKSYEN	MEGA AGAMA
MUKA SURAT	28 - 29	RUANGAN	

➤ **MegaAgama**



PELAJAR-pelajar sedang menikmati pemandangan kota Mekah dari Menara Jam Abraj Al Bait.

Travelog anak-anak PERMATA Insan

Seramai 29 anak-anak pintar teruja dalam program lawatan ilmiah ke Arab Saudi

SUDAH pasti ini menjadi pengalaman yang amat mengujakan terutamanya kepada 29 anak-anak pintar PERMATA Insan yang berpeluang melawat ke Arab Saudi, sekali gus menunaikan ibadah umrah yang bermula 12 April sehingga 18 April lalu. Sebelum berangkat mereka telah diraikan oleh isteri Perdana Menteri Malaysia, Datin Seri Rosmah Mansor merangkap Penaung PERMATA bertempat di Seri Perdana, Putrajaya.

Majlis ringkas tersebut turut dihadiri Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji (TH), Datuk Ismee Ismail, Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Pengarah PERMATA Insan, Prof. Datuk Dr. Mizan Abdilliah Ahmad Ibrahim serta pelajar PERMATA Insan yang akan turut serta dalam lawatan tersebut.

"Menerusi program julung kali di bumi Arab, delegasi PERMATA Insan mempunyai keyakinan bahawa untuk menjadi cendekiawan Islam yang unggul, pengalaman berharga perlu dikutip dan



Peristiwa

dirasai sendiri dengan harapan anak-anak pintar ini lebih jelas dengan apa yang Islam perjuangkan sebagaimana tertulis di dalam al-Quran dan hadis. Oleh sebab itu, lawatan ke Arab Saudi diadakan," ucap Rosmah.

Objektif utama lawatan adalah bertujuan untuk mendedahkan pelajar pintar ini kepada asal usul peradaban Islam, yang mana Islam mula-mula bertapak di Tanah Arab. Lawatan ini mendapat sambutan yang amat baik serta sokongan penuh turut diperoleh daripada TH serta Kerajaan dan Kedutaan Arab Saudi.

PERMATA Insan merupakan sebuah program yang ditubuhkan khas di USIM di bawah naungan Perdana Menteri dan isteri dengan tujuan melahirkan bakal ilmuwan pemikir Islam yang berteraskan al-Quran dan sunnah. Lawatan kali ini amat berharga

kerana merealisasikan impian anak-anak ini untuk menjadi tetamu pilihan Allah SWT dan Rasul-Nya pada umur yang masih muda.

Menurut Dr. Mizan, hasrat melawat bumi Arab ini telah dirancang lama dan dinyatakan oleh penaungnya sendiri. Tentunya lawatan ini amat bermakna buat pelajar pintar, malah ia dianggap satu kejayaan yang membanggakan kerana belum pernah lagi Kerajaan Arab menerima kunjungan daripada kanak-kanak dari negara Asia, khususnya.

Berikut ikuti perjalanan program yang sarat dengan pelbagai pengisian bermanfaat.

● 12 April 2014

Perjalanan delegasi bermula dengan ketibaan di Madinah al-Munawarah, walaupun terpaksa bermalam sehari sebelum itu kerana ribut pasir melanda kawasan lebuh raya Jeddah-Madinah. Sepanjang perjalanan ke Madinah, anak-anak PERMATA Insan mengisi-masa di

dalam bas dengan aktiviti berselawat dan menghafaz beberapa surah.

Program di Madinah didahului dengan menziarahi Makam Rasulullah SAW dan ke perkuburan Baqi. Ia umpama mengulangkaji sirah baginda SAW yang sebelum ini sekadar mereka pelajari menerusi bahan bacaan.

Pada sebelah malamnya, aktiviti dipenuhi dengan kuliah Maghrib di Masjid Nabawi dan lawatan ke perpustakaan masjid tersebut. Manakala, kuliah tafsir al-Quran telah disampaikan dalam bahasa Melayu oleh penceramah bertauliah berbangsa Indonesia yang bertugas di Masjid Nabawi itu.

● 13 April 2014

Para pelajar seterusnya di bawa melawat ke Masjid Quba dan Jabal Uhud. Mereka diberi penerangan tentang sejarah Rasulullah SAW dengan lebih terperinci dan kaitannya dengan kedua-dua tempat tersebut. Selama ini mereka hanya mendengar di dalam kelas namun selepas lawatan itu mereka



TARIKH	23 / 05 / 2014	SEKSYEN	MEGA AGAMA
MUKA SURAT	28 - 29	RUANGAN	

dapat melihat dengan mata sendiri Jabal Uhud dan Masjid Quba.

Kemudian anak-anak PERMATA Insan berpeluang pula melawat Universiti Taibah, Madinah. Di sana mereka diberi penerangan dan melawat ke makmal-makmal fakulti kejuruteraan serta perpustakaan universiti tersebut yang dilengkapi dengan pelbagai buku berbahasa Arab. Lawatan itu telah diiringi seorang profesor dari Universiti Teknologi Malaysia yang dipinjamkan ke universiti itu. Setelah solat Isyak, delegasi turut dibawa melawat ke persekitaran Masjid Nabawi.

● 14 April 2014

Hari yang dinanti-nantikan tiba dengan perjalanan memakai ihram memasuki Mekah dari Madinah untuk menunaikan umrah. Bagi kebanyakan anak-anak PERMATA Insan yang baharu pertama kali mengerjakan umrah, ia adalah satu pengalaman yang sukar dilupakan.

Sepanjang perjalanan aktiviti di atas bus dipenuhi dengan bertalbiah. Sungguhpun

rombongan tiba lewat dan masing-masing mengantuk, mereka tetap bersemangat untuk melakukan tawaf dan saie. Simulasi tawaf dan saie yang dijalankan di tanah air banyak membantu anak-anak PERMATA Insan selain pembacaan masing-masing mengenai ibadah umrah sebelum ini. Bagi mereka inilah saat untuk mempraktikkan apa yang telah dipelajari di tanah air.

● 15 April 2014

Pelajar-pelajar PERMATA Insan sekali lagi merasa teruja kerana diberi penghormatan sebagai antara rakyat Malaysia terawal (selain pemimpin tertinggi negara) untuk mengunjungi Menara Abraj Al Bait (menara jam tertinggi di dunia) di Mekah. Selain dapat bergambar kenangan mereka juga melawat ke Muzium Menara Jam serta diberi penerangan oleh jurutera bertugas. Banyak fakta-fakta menarik dimaklumkan yang tidak diketahui umum seperti teknologi khas LED yang diimport khas dari Eropah dan sumbangan kepakaran beberapa orang jurutera awam dari

Malaysia.

Selepas itu mereka ke Setiausaha Agung, Liga Dunia Islam untuk mendengar penerangan ringkas mengenai peranan dan fungsi badan dakwah tersebut yang mempunyai cawangan di banyak negara, termasuk di Malaysia. Seterusnya lawatan diteruskan ke Pameran Seni Bina Dua Masjid Suci di pinggir bandar Mekah. Di sini pelbagai peralatan lama yang digunakan di Masjid Nabawi dan Masjidil Haram sejak zaman empayar Uthmaniah dipamerkan seperti mimbar, Telaga Zam-Zam, pintu Kaabah dan lain-lain lagi.

Aktiviti penutup program diakhiri dengan lawatan ke Assalamualaika Ayuhamnabi, sebuah muzium interaktif mengenai sejarah Rasulullah SAW di pinggir bandar Mekah. Di sini para pelajar dapat mempelajari sirah baginda Nabi SAW secara interaktif dan maya (*virtual*) dengan menggunakan teknologi komputer serta grafik.

Turut dipamerkan model tiga dimensi (3D) kota Mekah dan Madinah semasa zaman Rasulullah SAW menyebarkan Islam.

● 16 April 2014

Seterusnya, program di Mekah diteruskan dengan ziarah ke Jabal Thur, Jabal Nur, Arafah, Muzdalifah dan Mina. Kunjungan singkat ini umpama perjalanan ringkas menggambarkan ibadah haji yang sebenar. Kesinambungan lawatan ilmiah ke tempat-tempat tersebut diteruskan dengan kunjungan ke Institut Kajian Haji, Universiti Umm Al-Qura, Mekah. Di sini penerangan mengenai statistik jemaah haji, kapasiti muatan serta projek pembangunan kedua-dua masjid di Tanah Suci, teknologi khemah kalis api di Arafah dan lain-lain perkara berkaitan turut diperjelaskan.

Aturcara tarikh ini menjadi penantian para pelajar ialah kunjungan hormat dan sesi bertalqaq bersama Imam Besar Masjidil Haram dan Masjid Nabawi, Sheikh Abdul Rahman As Sudais. Sesi ini sekali lagi menjadi sejarah penting buat PERMATA Insan dan negara. Ini kerana bukan mudah untuk bertemu dengan seorang ulama ulung bertaraf dunia.

Program pada hari Rabu itu berakhir dengan lawatan ke Projek Zamzam Raja Abdullah Abdul Aziz, iaitu kilang pembotolan air zam-zam di pinggir bandar Mekah.

● 17 April 2014

Seusai melakukan tawaf wada' pada pagi Khamis itu, pelajar-pelajar PERMATA Insan memulakan perjalanan ke Jeddah untuk lawatan ke Sekolah Antarabangsa Amerika. Sebelum tawaf wada', memori seluruh ahli

rombongan tertumpu balik ke tanah air setelah mengerjakan solat hajat khas untuk MH370 yang mana misteri kehilangannya menjadi perhatian dunia.

Di sekolah itu, anak-anak PERMATA Insan berpeluang melihat cara pembelajaran seperti di negara Amerika Syarikat, namun disesuaikan dengan budaya Arab. Di sini pendidikan rendah dan menengah diletakkan di bawah satu bumbung serta kawalan keselamatannya yang ketat, selain menggunakan sukatan pembelajaran moden barat.

Seperti mana-mana lawatan rasmi ke luar negara, ia tidak akan menjadi lengkap tanpa kunjungan ke konsulat atau kedutaan negara sendiri. Konsulat Jeneral Malaysia di Jeddah sangat bermurah hati menerima rombongan PERMATA Insan sebelum mereka dibawa bersiar-siar ke sekitar bandar Jeddah.

● 18 April 2014

Program pada hari terakhir tertumpu kepada persiapan pulang para pelajar PERMATA Insan dan solat Jumaat pertama di Masjidil Haram. Setelah solat Jumaat mereka melakukan tawaf wada' sebelum berlepas pulang ke Jeddah untuk kembali ke tanah air.

Sesungguhnya lawatan ke Arab Saudi ini bukan sahaja suatu sejarah kepada Program PERMATA keseluruhannya, namun juga kepada sistem pendidikan Islam negara. Di sebalik undang-undang ketat imigresan Arab Saudi yang mengkehendaki kanak-kanak di bawah umur harus ditemani muhrim, anak-anak PERMATA Insan dapat bertalqaq dengan Sheikh Abdul Rahman As Sudais, melawat ke Menara Jam Tertinggi Abraj Al Bait, mengerjakan umrah serta mengunjungi beberapa buah universiti di sana.

Secara keseluruhannya, lawatan ini memberi pendedahan kepada anak PERMATA untuk membentuk persepsi dan gambaran yang jelas bagaimana sejarah Islam terbentuk melalui aktiviti lawatan ke tempat-tempat bersejarah serta beberapa universiti tersohor di sana.

Anak-anak PERMATA sudah pastinya memperoleh manfaat daripada program ini dan mampu menonjolkan keperibadian unggul selaras dengan visi USIM untuk integrasi ilmu naqli dan aqli, yang mana ilmu bukan sahaja untuk dimanfaatkan malah disebarikan pada saluran yang tepat.

Lawatan ilmiah ini diharap dapat memberi semangat kepada pelajar-pelajar PERMATA Insan untuk menguasai sebaik mungkin bahasa Arab serta menghafaz al-Quran, selain memahami hadis Rasulullah SAW dengan lebih mendalam.

ANAK-anak PERMATA Insan ketika melakukan tawaf wada', meskipun dalam kesedihan kerana terpaksa meninggalkan Tanah Suci Mekah.

